

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : WATIKAH KETUA KAMPUNG

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah terdapat sesetengah ketua kampung masih tidak menerima watikah?

JAWAPAN:

- a) Negeri Selangor Darul Ehsan mempunyai sebanyak 371 buah Kampung Tradisi yang ditadbir oleh Ketua Kampung Tradisi yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Untuk makluman, Kerajaan Negeri amat menitikberatkan aspek kecekapan di dalam urusan pentadbiran Ketua Kampung Tradisi di Negeri Selangor. Oleh sebab yang demikian, satu garis panduan khusus berkaitan dasar, tatacara, peraturan mengenai pelantikan dan perkhidmatan Ketua Kampung Tradisi serta urusan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) diluluskan penggunaannya untuk menjadi panduan dan rujukan kepada mereka ketika mentadbir kampung.

Selepas tamat tempoh percubaan 6 bulan tersebut, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) yang berkenaan akan menilai prestasi ketua kampung yang telah dilantik dan mengemukakan laporan bertulis kepada Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi sebelum dibentangkan bersama – sama PDT berkaitan kepada Jawatankuasa Penilaian dan Tatatertib untuk penilaian, perakuan dan pengesahan.

Pemberian Watikah ini adalah satu bentuk perakuan Kerajaan Negeri kepada Ketua Kampung yang berjaya melepasi tempoh percubaan 6 bulan dengan jayanya. Bagi yang belum menerima watikah tersebut, watikah tersebut akan diserahkan kepada mereka selepas dinilai dan diperakuan apabila tamat tempoh percubaan selama 6 bulan. Perlu dijelaskan di sini, bagi yang belum menerima watikah, mereka tidak perlu risau dan gusar kerana ianya tidak akan mengganggu tugas hakiki sebagai Ketua Kampung mahupun menjejaskan elaun – elaun mereka yang berkaitan.

Pada 24 April 2019 yang lalu, seramai 292 Ketua Kampung Tradisi yang telah melepasi penilaian dan tempoh percubaan telah menerima Watakah Pelantikan Ketua Kampung daripada YAB Dato' Menteri Besar Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : INSENTIF PERKAHWINAN BELIA

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Insentif Perkahwinan Belia telah digantikan dengan insentif kursus perkahwinan dan kekeluargaan. Bagaimanakah cara pelaksanaan serta prosedur untuk memohon kerana terdapat begitu banyak pertanyaan di Pusat Khidmat Masyarakat?

JAWAPAN:

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan no. (162) daripada Yang Berhormat Semenyih.

- a) Penerima insentif daripada tahun 2013 sehingga 2018 adalah seperti berikut:-

PERMOHOHAN TAHUN	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
2013	5952	1,190,400.00
2014	6451	3,225,500.00
2015	7663	3,831,500.00
2016	12,625	6,312,500.00
2017	12,045	6,022,500.00
JAN – MEI 2018	10,000	5,000,000.00
JUN – DIS 2018	8,737	4,368,500.00 (Peruntukan Tambahan)
JUMLAH KESELURUHAN	63,473	29,950,900.00

Di bawah strategi belanjawan 2019, Kerajaan Negeri telah bersetuju agar penjajaran inisiatif peduli rakyat diteruskan dengan pengubahsuaian modul insentif. Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama agensi-agensi Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Ia bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan penambahbaikan dalam mengukuhkan modul-modul serta kursus-kursus perkahwinan dan kekeluargaan sedia ada.

Bagi carta alir permohonan:-

1. Pendaftaran atas talian (*online*) - YAWAS akan bangunkan web;
2. Tarikh kursus akan diberikan kepada peserta-peserta mengikut daerah;
3. Penyerahan insentif berjumlah sehingga RM300.00 akan diberikan kepada peserta pada hari kursus;

Antara syarat-syarat umum untuk permohonan:-

1. Warganegara Malaysia;
2. Anak Selangor atau menetap di Selangor lebih daripada 10 tahun (pengesahan daripada ADUN setempat);
3. Syarat berkahwin dalam tempoh 6 bulan;

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PELAKSANAAN PARKIR BERBAYAR DI PBT MAJLIS DAERAH KUALA
SELANGOR**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rasional pelaksanaan parkir berbayar tersebut?
- b) Berapakah jangkaan jumlah kutipan hasil daripada pelaksanaan parkir berbayar tersebut?
- c) Adakah Kerajaan Negeri melakukan kajian terperinci bagi melaksanakan parkir berbayar tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan kawalan parkir adalah bagi tujuan kawalan dan mendidik orang awam mematuhi peraturan dan menguatkuasakan undang seperti yang termaktub dalam *Perintah Pengangkutan Jalan MDKS 2007*.

Pelaksanaan kawalan parkir adalah satu tindakan kawalan trafik bagi isu kesesakan tempat letak kereta di kawasan komersial.

- b) Jangkaan jumlah kutipan hasil daripada pelaksanaan kawalan parkir adalah anggaran sebanyak RM 1,096.200.00 setahun dengan jumlah petak sebanyak 6,090.
- c) Ia tertakluk kepada kajian bagi pelaksanaan parkir berbayar oleh Kerajaan Negeri dan Majlis Daerah Kuala Selangor adalah badan pelaksana kepada keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : PROGRAM KITAR SEMULA

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan yang telah dan akan disusun oleh Kerajaan dalam memastikan program kitar semula mendapat sambutan dari semua golongan?
- b) Apakah kejayaan yang telah dicapai sepanjang kempen ini berjalan?
- c) Bagaimanakah program kitar semula ini berjaya menjaga kesejahteraan penduduk dan alam sekitar?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah menetapkan beberapa perancangan dalam memastikan program kitar semula mendapat sambutan dari semua golongan di Negeri Selangor. Diantara perancangan yang telah dan akan diadakan adalah seperti berikut:
 - 1. Memperbanyakkan kempen membudayakan kitar semula dan pengasingan sisa makanan dari rumah rumah dan restoran;
 - 2. Memperkasakan Kempen Kitar Semula di setiap lapisan masyarakat termasuk di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi dan komuniti;
 - 3. Penyediaan pusat kitar semula berdekatan dengan kawasan kediaman, dewan orang ramai dan premis makanan;
 - 4. Melaksanakan program gotong-royong dan kitar semula di rumah-rumah ibadat; dan
 - 5. Program larian kitar semula.
- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mencapai pelbagai kejayaan sepanjang pelaksanaan kempen kitar semula di Negeri Selangor, sebagai contoh:

1. MBPJ telah melaksanakan kempen kitar semula styrofoam dan membangunkan PJ Eco Recycling Plaza di SS 8 sebagai one stop centre untuk aktiviti kitar semula di Petaling Jaya bagi menangani masalah pembuangan sisa styrofoam. Bangunan plaza itu mempunyai sudut pameran atau galeri 3R, bengkel upcycling, ruang aktiviti kanak-kanak dan komuniti, studio tayangan video, dan bilik kemudahan seminar. Ini merupakan projek pertama di Malaysia yang mempamerkan sisa hasil daripada pengasingan sampah. Selain itu, MBPJ turut mempunyai tempat pengkomposan tersendiri iaitu Smart PJ Waste Solution Lab yang terletak di Jalan SS 2, sebagai pendekatan pelupusan sampah di punca bagi mengurangkan kos pelupusan sampah di tapak pelupusan. Projek tersebut dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan sisa pepejal di samping pengurangan penjana karbon dioksida.
 2. Selain itu, MBSA melalui program kitar semula, telah berjaya mengurangkan sisa yang dilupuskan ke tapak pelupusan. Dimana pada tahun 2018 sejumlah 168,987 metrik tan sampah telah dilupuskan dan pada tahun 2019 (Jan – Jun) sejumlah 79,561.17 metrik tan sampah telah dilupuskan. Penurunan sisa ini akan menjimatkan kos pelupusan yang ditanggung oleh pihak Majlis iaitu sejumlah RM36.00 bagi setiap satu (1) metrik tan. MBSA juga merupakan PBT pertama di Selangor yang berjaya melaksanakan program pengasingan dari rumah secara *voluntarily basis*. Melalui program pengasingan sisa dari rumah sejumlah 87,339 kg bahan kitar semula telah berjaya dikutip pada tahun 2018. Manakala, sejumlah 95,788 kg bahan kitar semula telah dikutip dalam tempoh Januari sehingga Jun 2019.
 3. Program kitar semula dapat mengurangkan sisa yang dilupuskan ke tapak pelupusan dan seterusnya peningkatan bahan kitar semula yang dikumpulkan di Pusat Kitar Semula selain dapat mengurangkan kos pengurusan sampah. Selain itu, kejayaan bagi program kitar semula yang dilaksanakan juga dapat dilihat melalui sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk setempat dan para pelajar.
- c) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, Program Kitar Semula ini boleh menjadi pemangkin ke arah kesejahteraan penduduk dan alam sekitar melalui penglibatan penduduk secara terus dalam pengurusan sisa di mana penduduk

akan di didik untuk lebih bertanggungjawab dalam menguruskan sisa seharian dan mengamalkan 3R iaitu *Reduce, Reuse dan Recycle* yang mana konsep ini secara tidak langsung dapat mendidik penduduk mengurangkan penghasilan sampah melalui guna semula dan kitar semula.

Program kitar semula juga secara tidak langsung mewujudkan masyarakat yang harmoni dan bekerjasama melalui perkongsian maklumat berkaitan kitar semula oleh PBT, persatuan penduduk dan aktiviti-aktiviti kitar semula terutamanya yang berkonsepkan pertandingan dan larian. Program yang dilaksanakan juga memberikan pendedahan kepada tatacara pengurusan sisa yang betul dan sistematik kepada masyarakat.

Disamping itu, pengasingan sampah yang betul boleh mengelakkan parit, longkang dan sungai daripada tersumbat. Manakala, program kitar semula minyak masak terpakai pula dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya penggunaan minyak masak terpakai berulang kali yang boleh punca penyakit kanser, jantung dan kolestrol. Program kitar semula ini secara tidak langsung dapat memastikan alam sekitar lebih terpelihara dan penduduk hidup dengan sejahtera serta bebas dari penyakit dan bencana alam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : ATAS PRINSIP KEADILAN DAN KETERBUKAAN

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri masih lagi mengutamakan kelas F dalam melantik kontraktor untuk projek bawah kategori G1?

- b) Jika ya, adakah perancangan untuk memansuhkan dasar ini?

JAWAPAN:

- a) Semua jabatan dan agensi di Negeri Selangor tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan 184.1 (d). Klausu ini menyatakan hanya kontraktor kerja yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred dan kategori yang berkaitan sahaja dipelawa untuk mengambil bahagian di dalam urusan perolehan Kerajaan.

Sebelum tahun 2012, pihak Perbendaharaan Malaysia mengklasifikasikan kontraktor tanpa mengikut kategori kerja dan had nilai perolehan kerja mengikut kelas kontraktor. Mulai tahun 2012, pihak CIDB telah mengklasifikasikan semula jenis-jenis kerja mengikut kategori iaitu kategori Bangunan (B), kategori Kerja Awam (CE), Kategori Mekanikal (M) dan kategori Elektrikal (E) dan istilah kelas kontraktor telah digantikan dengan istilah gred.

Mengikut istilah CIDB, Kontraktor kelas F adalah bersamaan dengan kontraktor gred G1 manakala pendaftaran kontraktor adalah mengikut kategori kerja seperti yang dinyatakan sebentar tadi.

Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 184.1, semua kategori kerja yang **tidak melebihi RM200 ribu**, lantikan kontraktor akan dibuat dalam kalangan kontraktor gred G1 (yang dahulunya dikenali sebagai kontraktor kelas F).

Bagi kerja-kerja **melebihi RM200 ribu**, pelantikan kontraktor bagi kerja-kerja tersebut akan mengikut kategori kerja, gred kontraktor dan had nilai perolehan sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Arahan Perbendaharaan 184.

Sebagai contoh, bagi kerja-kerja di dalam **kategori bangunan / awam / mekanikal** yang mana had nilai perolehan kerja **melebihi RM200** ribu hingga

RM500 ribu, kontraktor yang berkelayakan adalah kontraktor gred G2 (yang dahulunya dikenali sebagai kontraktor kelas E). Manakala bagi kerja-kerja dalam **kategori elektrik**, CIDB mengklasifikasikan lantikan kontraktor bagi kerja-kerja yang **melebihi RM200 ribu** boleh dilantik dari kalangan kontraktor dari gred G2 hingga G7.

Penjelasan lanjut mengenai had nilai perolehan kerja dan gred kontraktor mengikut kategori kerja adalah seperti di Jadual A dan Jadual B.

Jadual di bawah disediakan untuk rujukan dan panduan YAB Menteri Besar.

KONTRAKTOR KERJA
KATEGORI BANGUNAN / AWAM/ MEKANIKAL

Gred	Had Nilai Perolehan Kerja	Dahulunya dikenali sebagai Kelas
G1	RM200,000 dan ke bawah	F
G2	Melebihi RM200,000 hingga RM500,000	E
G3	Melebihi RM500,000 hingga RM1,000,000	D
G4	Melebihi RM1,000,000 hingga RM3,000,000	D
G5	Melebihi RM3,000,000 hingga RM5,000,000	C
G6	Melebihi RM5,000,000 hingga RM10,000,000	B
G7	Melebihi RM10,000,000	A

Jadual A : Had nilai perolehan kerja dan gred kontraktor bagi kerja-kerja kategori bangunan / awam / mekanikal.

KONTRAKTOR KERJA KATEGORI ELEKTRIK

Gred	Had Nilai Perolehan Kerja
G1	Sehingga RM200,000
G2	Sehingga RM500,000
G3	Sehingga RM1,000,000
G4	Melebihi RM200,000 hingga RM3,000,000
G5	Melebihi RM200,000 hingga RM5,000,000
G6	Melebihi RM200,000 hingga RM10,000,000
G7	Melebihi RM200,000 dan ke atas

Jadual B : Had nilai perolehan kerja dan gred kontraktor bagi kerja-kerja kategori elektrik.

- b) Dalam hal-hal perolehan, Kerajaan Negeri tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling serta Peraturan Perbendaharaan yang

berkuatkuasa. Kerajaan Negeri akur kepada dasar yang telah dan akan ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Kerajaan Negeri Selangor akan terus mengamalkan prinsip keadilan dan keterbukaan dalam hal perolehan Kerajaan berlandaskan peruntukan undang-undang dan peraturan yang terpakai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PERSIARAN ATMOSPHERA SEKSYEN U5 - JALAN TIDAK SIAP SERTA
ROSAK - KEMALANGAN TELAH MELIBATKAN KEMATIAN LEBIH 4
ORANG**

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pihak/agensi manakah yang bertanggungjawab menyebabkan jalan tersebut lambat atau tidak dapat disiapkan mengikut jadual?
- b) Apakah tindakan Kerajaan yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut?
- c) Bilakah masalah tersebut dapat diselesaikan ?

JAWAPAN:

- a) Jalan yang menyambungkan Persiaran Atmosfera kepada Persiaran Cakerawala adalah masih di bawah selenggaraan Worldwide Holding Berhad selaku pemaju. Penyerahan jalan tersebut kepada Majlis Bandaraya Shah Alam masih belum dilaksanakan kerana terdapat isu pendudukan di atas jajaran Persiaran Atmosfera yang sedang diselesaikan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Petaling.
- b) Melalui cabutan keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor yang ke 35/2018, MMKN telah bersetuju pemilik struktur kediaman yang menduduki jajaran Persiaran Atmosfera diberikan tanah gantian dan secara dasar meluluskan pelupusan secara pemberimilikan lot tanah kerajaan di Kampung Melayu Subang Tambahan, Pekan Baru Subang, Daerah Petaling. Bagi penduduk yang bukan berstatus warganegara, tawaran pembelian Rumah Selangorku di bawah kelolaan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) diberikan kepada anak yang berstatus warganegara. Permohonan pemberimilikan tanah gantian kepada pemilik struktur kediaman telah dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor pada 13 Jun 2019 untuk diangkat ke MMKN.
- c) Penyelesaian tersebut tertakluk kepada keputusan kertas MMKN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : BANGUNAN BARU MDKL

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembinaan bangunan baru MDKL memandangkan kerajaan memberi pinjaman kepada MDKL untuk membiayai sebahagian daripada kos projek ini?

- b) Berapakah telah dibayar kepada kontraktor?

JAWAPAN:

- a) Ringkasan kemajuan kerja sehingga 20 Jun 2019 adalah seperti berikut :

KEMAJUAN	PERANCANGAN	SEBENAR	PERBEZAAN	JUM. HARI LEWAT
FIZIKAL	52.95%	6.48%	-46.47%	-229 HARI

Kelewatan berpunca daripada kegagalan cerucuk di kawasan bangunan utama. Pihak perunding masih mencari kaedah penyelesaian yang terbaik bagi menyelesaikan masalah cerucuk ini.

- b) Jumlah pembayaran adalah sebanyak RM 3,242,442.64 bersamaan 8.24% daripada keseluruhan kos projek iaitu RM 39,277,817.48

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN TASIK CEMPAKA BANDAR BARU BANGI

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tasik Cempaka adalah pusat kegiatan riadah di tengah-tengah Bandar Baru Bangi. Keadaan tasik ini airnya kotor, penuh tumbuhan liar, sampah sarap dan berbau busuk, mencacatkan pemandangan Bandar Baru Bangi. Mengapakah keadaan ini dibiarkan berterusan?

JAWAPAN:

- a) Penyelenggaraan tasik ini (yang sebenarnya merupakan sebatang sungai bernama Sungai Air Hitam) adalah di bawah tanggungjawab sepenuhnya pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Untuk makluman, skop penyelenggaraan bagi pihak MPKj di kawasan tersebut hanya meliputi persekitaran taman awam/rekreasi dan tidak termasuk badan air. Antaranya adalah pembersihan sampah tabur dan daun kering kawasan taman, mencantas pokok renek/ pokok teduhan, merumpai menggembur tanaman landskap, membaja, memotong rumput dan amalan penyelenggaraan yang berkaitan. Surat makluman kepada pihak JPS juga telah dihantar pada 23 Julai 2019 (Selasa).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : EKO PELANCONGAN

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang telah dilakukan dalam usaha menaikkan kawasan Hulu Selangor sebagai kawasan Eko Pelancongan tahun ini?
- b) Nyatakan jumlah kos yang sudah digunakan untuk tujuan promosi pelancongan eko di Selangor terutamanya Hulu Selangor.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah menjalankan beberapa program bagi menaikkan kawasan Hulu Selangor sebagai Kawasan Eko Pelancongan. Antara usaha yang telah dijalankan adalah seperti berikut:-

- i) **Lawatan Teknikal Produk Pelancongan**

Sesi lawatan ini dijalankan sepanjang tahun mengikut jadual dan melibatkan beberapa agensi kerajaan dan swasta yang terlibat mengikut kawasan produk eko pelancongan yang berpotensi dibangunkan dan dipromosikan.

- ii) **Pelaksanaan Program P3S (Program Pemurnian Pelancongan Selangor)**

Kerajaan Negeri melalui Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah berjaya menghasilkan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Premis Pelancongan Daerah Hulu Selangor di bawah Program Pemurnian Pelancongan Selangor (P3S).

MDHS dengan kerjasama jabatan-jabatan teknikal dan pengusaha-pengusaha Inap Dusun Hulu Selangor berjaya menghasilkan satu garis panduan yang bertujuan untuk memurnikan produk-produk dan operasi pelancongan di Negeri Selangor ke arah meningkatkan tahap perkhidmatan industri pelancongan di negeri ini. Secara tidak langsung, MDHS dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek perintis melibatkan premis penginapan pelancongan dan sukan lasak.

Langkah ini diambil apabila pihak Majlis mendapati terdapat 56 premis Inap Dusun yang dijalankan secara aktif memberi perkhidmatan penginapan di dalam Daerah Hulu Selangor tetapi hanya 4 premis mempunyai kelulusan daripada pihak Majlis. Keadaan ini amat membimbangkan kerana ia berkaitan dengan jaminan keselamatan kepada pengunjung. Selain itu, ia juga amat merugikan kepada pengusaha kerana produk mereka tidak dapat dipromosikan kerana ketiadaan kelulusan dan lesen daripada pihak yang berwajib.

Penghasilan garis panduan ini masih di peringkat awal dan akan sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa. Garis panduan yang ditetapkan tidak berlawanan dengan keperluan undang-undang sedia ada dan ianya adalah keperluan minimum yang perlu dipatuhi bagi membolehkan premis-premis sedia ada diputihkan tanpa mengabaikan keselamatan pengunjung dan orang awam.

Melalui Program P3S juga, Kerajaan Negeri telah melantik Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) sebagai agensi utama bagi Projek Perintis P3S Sukan Lasak Pelancongan. Pemilihan MDHS sebagai agensi utama bagi projek perintis ini adalah berdasarkan fokus pelancongan daerah Hulu Selangor sebagai hub sukan lasak pelancongan yang meliputi aktiviti-aktiviti seperti *Paragliding*, *White Water Rafting*, *Hiking* dan *Trekking*, aktiviti tali tinggi seperti *ropeswing* dan *flying fox* dan banyak lagi.

Pemurnian aktiviti sukan lasak pelancongan ini dilihat dapat membantu Kerajaan Negeri dan daerah Hulu Selangor khususnya dalam usaha menaikkan tahap industri pelancongan.

ii) Program Hos Komuniti Pemandu Pelancong Negeri Selangor

Program latihan untuk Hos Komuniti Selangor ini merupakan program pemangkin menggunakan pendekatan '*Community Base Tourism Delivery Management*'. Program ini diadakan adalah untuk untuk melantik dan melatih pemandu pelancong setempat di seluruh Negeri Selangor secara profesional. Program ini telah dijalankan untuk melatih pemandu pelancong daripada Hulu Selangor bagi sesi latihan 2019 yang akan membantu meningkatkan produk Eko Pelancongan di Hulu Selangor.

iii) Program FAM (Familiarization) Tour

Sesi lawatan FAM Tour ini dijalankan sepanjang tahun bersama pihak Agensi Pelancongan dan Media tempatan dan antarabangsa untuk membantu membangunkan pakej pelancongan seterusnya membantu mempromosikan produk pelancongan Eko di Hulu Selangor ke pentas global.

- b) Kerajaan Negeri tidak menyediakan sebarang peruntukan khusus bagi pembangunan atau aktiviti promosi dan acara di setiap daerah. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2019 ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM50,000.00 bagi tujuan penganjuran acara Wings Of KKB serta sebanyak RM1.3 juta bagi menaik taraf Rumah Rehat Sri Berkat di Bukit Fraser.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KEBENARAN MENJADI IMAM DI INSTITUSI MASJID DAN SURAU

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah benar hanya mereka yang ditauliahkan oleh MAIS sahaja boleh mengimami solat di masjid dan surau?
- b) Bagaimana jika pihak masjid atau surau memberi peluang penceramah jemputan, guru takmir atau individu berkebolehan untuk mengimamkan solat?
- c) Adakah tugas imam untuk semua kategori solat?

JAWAPAN:

- a) Ya, Imam Masjid yang memiliki watakah pelantikan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Imam Surau yang telah mendapat Tauliah Pelantikan daripada Majlis Agama Islam Selangor.
- b) Tidak boleh, kecuali jika mereka juga mempunyai watakah sebagai imam masjid atau tauliah imam surau
- c) Ya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : IPR SELANGOR

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Banyak program Inisiatif Peduli Rakyat telah ditangguh serta tukar jenis pembahagian.
Termasuk SMUE telah tukar konsep pembahagian. Memandangkan kos pengebumian semakin tinggi pada masa sekarang, adakah kerajaan dapat mempertimbangkan untuk memberi bantuan dari segi wang iaitu sebanyak RM1,00000?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk memberikan bantuan khairat kematian RM 1,000 kerana lebih memberi fokus kepada manfaat masa hidup kepada lebih ramai warga emas.

Penambahbaikan ini dibuat setelah mengambil kira bantuan khairat kematian banyak ditawarkan oleh agensi lain seperti PERKESO, KWSP dan BSH selain masjid dan surau bagi yang beragama Islam serta Bantuan Mengurus Jenazah di bawah JPA untuk kakitangan awam.

Beberapa syarikat juga menawarkan skim takaful warga emas swasta dengan pembayaran premium serendah RM 50 setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : PERKHIDMATAN AIR DI SELANGOR

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah pengguna air mengikut sektor (perumahan, perniagaan, industri dan air mentah), tarif sediaada, jumlah kutipan daripada mereka.
- b) Pihak mana yang bayar untuk penggantian paip baru di Selangor dan berapa jumlah kos keseluruhan?
- c) Bila program penggantian paip akan siap?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pelanggan mengikut sektor, tarif sediaada dan kutipan terkumpul Januari sehingga 30 Jun 2019 adalah seperti berikut:

Jenis Pelanggan Mengikut Tarif	Jumlah Akaun	Jumlah Kutipan (RM)
Kediaman <ul style="list-style-type: none">• Domestik (Kod 10)• Kondominium (Kod 17)• Rumah Pangsa/Rumah Kos Rendah (Kod 18)• Domestik Meter Pukal (Kod 21)	2,054,787	281,103,668
Industri <ul style="list-style-type: none">• Industri (Kod 11)• Perkapalan (Kod 14)• Lembaga Air Perak (Kod 22)	307,269	526,329,632
Lain-lain <ul style="list-style-type: none">• Kerajaan (Kod 12)• Rumah Ibadat (Kod 13)• Pusat Kebajikan (Kod 15)	13,560	100,933,475
Jumlah	2,375,616	908,366,775

- b) Pembiayaan bagi program penggantian paip di Negeri Selangor dan Kuala Lumpur adalah melalui peruntukan pinjaman dan geran Kerajaan Negeri Selangor serta melalui dana dalaman Air Selangor. Bagi pelaksanaan program penggantian paip ini, sejumlah RM367 juta diperuntukan untuk tempoh 2016 hingga 2018, manakala RM159 juta lagi untuk tahun 2019.

- c) Program penggantian paip adalah merupakan program yang akan dilaksanakan secara berterusan. Bagi program penggantian paip tahun 2016 hingga 2018, Air Selangor telah dan sedang melaksanakan penggantian paip di 86 lokasi "hotspots", dimana 34 lokasi "hotspots" telah siap sepenuhnya manakala baki 52 "hotspots" akan siap secara berperingkat sehingga pertengahan tahun 2020. Air Selangor juga telah mengenalpasti sebanyak 148 "hotspots" lagi untuk program penggantian seterusnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PERANAN JAWATANKUASA TETAP

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perbezaan peranan dan skop Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan dan Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana (IKS)?

JAWAPAN:

- a) Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan berperanan untuk memperkasakan usahawan-usahawan mikro di Negeri Selangor. Definisi usahawan mikro adalah individu atau pengusahaan yang merekodkan hasil jualan tahunan kurang daripada RM300,000 DAN mempunyai pekerja tetap sebanyak 2 hingga 5 orang. Oleh itu, skop Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan diterjemahkan melalui dasar dan program-program untuk membantu usahawan-usahawan mikro meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi mereka.

Antara program yang dijalankan adalah penyaluran bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor kepada usahawan mikro melalui sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Dana ini merupakan program khas untuk membantu usahawan mikro bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju.

Selain itu, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan juga akan menawarkan kepada usahawan yang berkelayakan untuk mewakili delegasi Negeri Selangor menyertai ekspo dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)* dan *Selangor International Expo (SIE)*. Bagi usahawan di peringkat permulaan pula, Kerajaan Negeri menganjurkan kursus-kursus bagi memberi pendedahan dari aspek persiapan produk-produk khususnya untuk menembusi pasaraya tempatan. Modul kursus terdiri daripada asas perniagaan dan kewangan, penjenamaan produk, pensijilan produk serta pemasaran atas talian dan ke rangkaian pasaraya.

Bagi membantu usahawan dari segi kewangan, HIJRAH Selangor diwujudkan iaitu satu sistem pembiayaan modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal, dan peluang mendapatkan modal tambahan.

Manakala Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) berperanan untuk menyediakan medium atau platform yang boleh membantu syarikat-syarikat IKS untuk mengembangkan perniagaan dan pasaran ke peringkat antarabangsa melalui penyertaan usahawan-usahawan tempatan dalam pameran yang diadakan di dalam dan luar negara seperti program *Selangor International Business Summit*, *Penang International Halal Expo 2019*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) 2019* dan lain-lain.

Definisi IKS atau dikenali sebagai Perusahaan Kecil dan Sederhana boleh ditakrifkan dalam dua (2) kategori. Pertama di dalam kategori pembuatan, industri kecil ditakrifkan sebagai industri yang mempunyai jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta ATAU daripada 5 hingga kurang daripada 75 pekerja. Industri sederhana di dalam kategori pembuatan pula meliputi industri yang mempunyai jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta ATAU daripada 75 hingga tidak melebihi 200 pekerja. Kategori kedua adalah perkhidmatan dan sektor lain. Industri kecil di dalam kategori ini terdiri daripada industri yang mempunyai jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta ATAU daripada 5 hingga kurang daripada 30 pekerja, manakala industri sederhana terdiri daripada industri yang mempunyai jualan tahunan daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta ATAU daripada 30 hingga tidak melebihi 75 pekerja.

Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) juga berperanan sebagai pemudahcara untuk membantu syarikat-syarikat tersebut dalam menyelesaikan isu atau permasalahan yang dihadapi seperti isu infra, kelulusan pembangunan dan lain-lain melalui jawatankuasa dan majlis yang telah ditubuhkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PELABURAN DI SELANGOR

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai pelaburan yang masuk ke Negeri Selangor sejak Januari 2019 hingga sekarang mengikut kategori dan jenis pelaburan?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa pelaburan di Selangor adalah pelaburan berinsentifkan modal atau teknologi tinggi dan tidak pelaburan berinsentifkan buruh?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh **Januari hingga Mac 2019**, sebanyak **75 projek perkilangan** telah diluluskan oleh MIDA di Selangor dengan jumlah modal pelaburan bernilai **RM 1,521,573,566 (RM 1.522 bilion)**. Antara ketegori dan jenis pelaburan mengikut sektor industri seperti berikut:-

Industri	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Food Manufacturing	11	955	156,119,120	210,371,760	366,490,880
Fabricated Metal Products	10	513	191,151,532	5,000,000	196,151,532
Machinery & Equipment	14	409	43,525,867	110,704,096	154,229,963
Basic Metal Products	2	183	6,000,000	138,500,000	144,500,000
Non-Metallic Mineral Products	3	154	84,234,966	25,227,000	109,461,966
Paper, Printing & Publishing	4	403	88,580,302	11,205,901	99,786,203
Electronics & Electrical Products	7	338	78,823,985	18,226,877	97,050,862

Transport Equipment	5	171	61,270,528	22,909,439	84,179,967
Chemical & Chemical Products	5	162	82,060,312	900,000	82,960,312
Plastic Products	6	179	59,342,075	19,000,000	78,342,075
Rubber Products	3	207	39,225,402	0	39,225,402
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	1	15	20,374,203	0	20,374,203
Textiles & Textiles Product	1	85	14,655,699	0	14,655,699
Miscellaneous	1	6	11,701,691	0	11,701,691
Wood & Wood Products	1	16	5,870,280	5,418,720	11,289,000
Scientific & Measuring Equipment	1	23	11,173,811	0	11,173,811
Furniture & Fixtures					0
Leather & Leather Products					0
Beverages & Tobacco					0
Jumlah	75	3,819	954,109,773	567,463,793	1,521,573,566

• *Sumber : MIDA*

- b) Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa pelaburan di Selangor adalah pelaburan berintensifkan modal atau teknologi tinggi dan tidak pelaburan berintensifkan buruh, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor memberi tumpuan kepada beberapa sektor industri utama seperti berikut;-
- a. Elektrik dan Elektronik.
 - b. Peralatan Pengangkutan
 - c. Sains Hayat
 - d. Makanan dan Minuman
 - e. Mesin dan peralatan.

Daripada bidang bidang - bidang industri utama di atas, beberapa sub-industri telah dikenalpasti untuk diberi penekanan seperti;-

- 1) E-Commerce
- 2) Bio-Teknologi
- 3) Aeroangkasa
- 4) Industri Halal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PEMBANGUNAN DI CYBERJAYA

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan membangunkan kawasan sekitar supaya limpahan kekayaan dapat dikongsi bukan sahaja dengan pembeli rumah kos tinggi tetapi juga untuk rakyat tempatan?
- b) Berapakah nisbah di antara rumah kos tinggi dan sederhana berbanding rumah kos rendah di Cyberjaya?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan kelulusan pelan induk Cyberjaya bil. MPSepang P/CJ/PS/10/2/2/88 bertarikh 26 Januari 2012 dan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Sepang 2025 yang telah diwartakan dengan no. warta 286 bertarikh 19 Januari 2017 telah merancang pembangunan Cyberjaya secara teratur dengan mengambilkira keperluan penduduk setempat berdasarkan Garis Panduan Perancangan Negeri Selangor semasa.

Antara keperluan yang diambilkira semasa pembangunan adalah seperti berikut:

- i. Penyediaan kemudahan awam seperti masjid, sekolah rendah & menengah, hospital, klinik kesihatan dan kawasan rekreasi
- ii. Penetapan penyediaan rumah mampu milik di Cyberjaya sebanyak 45% iaitu 14,350 unit daripada keseluruhan 36,046 unit kediaman
- iii. Penyediaan kedai mampu milik mengikut Garis Panduan Perancangan Negeri Selangor semasa dan Dasar Lembaga Perumahan & Hartanah Negeri Selangor
- iv. Penyediaan pengangkutan awam seperti Bas Smart Selangor dan Laluan MRT2 daripada Serdang ke Putrajaya Sentral melalui 2 stesen di Cyberjaya.

- b) Berdasarkan kelulusan pelan induk Cyberjaya bil. MPSepang P/CJ/PS/10/2/2/88 bertarikh 26 Januari 2012 berkenaan pembangunan harga bebas dan rumah mampu milik adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Rumah	Bilangan Rumah (Unit)	Peratus (%)
1.	Perumahan Kos Rendah / Mampu Milik	14,350	45.36
2.	Perumahan Kos Tinggi / Bercampur	19,969	54.64
Jumlah		36,046	100.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : CADANGAN KENAIKAN TARIF AIR DI SELANGOR

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rasionalnya Kerajaan Negeri mencadangkan kepada Kerajaan Pusat untuk menaikkan tarif air di Selangor?
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri Untuk mengimbangi kos sara hidup rakyat dengan kenaikan tarif air tersebut?
- c) Adakah sebarang insentif khas untuk rakyat Selangor jika kenaikan tarif dilaksanakan?

JAWAPAN:

Saya pohon izin Yang Berhormat Tuan Speaker untuk menjawab bersekali soalan nombor 243 yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang yang berkaitan dengan kadar tarif air.

- a) Kerajaan Negeri masih berbincang dengan Kerajaan Persekutuan mengenai cadangan kenaikan tarif dengan Kerajaan Persekutuan kerana melalui penguatkuasaan Akta Industri Perkhidmatan Air Negara, 2006 (Akta 655), kuasa eksekutif diberikan kepada Kerajaan Persekutuan bagi perkara-perkara yang berhubung dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan bekalan air bagi semua negeri di seluruh Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan termasuk di dalam menentukan kadar tarif.

(b) dan (c) dijawab bersekali i:-

Tuan Speaker,

1. Di dalam perbincangan mengenai kenaikan tarif, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menekankan bahawa sebarang pelarasan tarif adalah berpatutan dan tidak akan membebankan rakyat dan memberi jaminan tiada peningkatan bagi pengguna domestik yang menggunakan 20 meter padu sebulan.

2. Perkara lain yang turut dipertimbangkan di dalam perbincangan mengenai pelarasan kadar tarif adalah penggalakan penggunaan air yang lebih bijak bagi menggalakkan pemuliharaan air oleh pengguna bagi kedua-dua kategori domestik dan bukan domestik.
3. Kerajaan Negeri akan terus dari semasa ke semasa mengkaji dan melaksanakan pelbagai insentif yang bersesuaian bagi membendung sebarang kesan yang tidak diingini daripada pelarasan tarif tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : MASALAH PAIP PECAH DAN KEBOCORAN PAIP UTAMA BEKALAN AIR

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri Selangor untuk mengelakkan atau mengurangkan insiden paip pecah atau kebocoran paip utama bekalan air?

JAWAPAN:

- a) Paip pecah adalah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti paip berusia, paip jenis '*asbestos cement*' yang mudah pecah, kerja - kerja pihak ketiga, kemalangan dan lain lain. Kerajaan melalui Air Selangor telah pun melaksanakan plan perancangan dan aktiviti berterusan bagi mengurangkan insiden paip pecah seperti berikut :

- 1) **Pelaksanaan Program Penggantian Paip Jenis '*Asbestos Cement*' (AC)**
Sepanjang 438 km paip jenis AC telah dan sedang diganti kepada paip jenis '*Ductile Iron*' (DI) dan '*High-Density Polyethylene*' (HDPE) di bawah Program Penggantian Paip 2016-2018 yang menelan kos berjumlah RM 367 juta. Bagi tempoh plan perniagaan 2019 hingga 2021, Air Selangor telah merancang untuk menggantikan sepanjang 468 km paip lagi dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 399 juta.

- 2) **Pemasangan Sensor Pintar '*Intelligent Sensor*' dan '*Leak Detection Works*'**

Bermula tahun 2018, Air Selangor telah memasang sensor pintar '*Intelligent Sensor*' (*Pressure Transient*) di sepanjang paip utama untuk mengesan '*pressure surges*' dan kebocoran melalui '*alert*' yang akan disalurkan ke '*Intelligent Command Center*' (ICC) dan juga pengesanan kebocoran melalui '*leak detection works*'. Sehingga kini sebanyak 66 kebocoran di paip utama telah dapat dikesan melalui sistem '*pressure transient*' ini dan 72 kebocoran telah berjaya dikesan di sepanjang 832 km jajaran paip utama dalam tempoh 6 bulan tahun ini melalui '*leak detection works*'. Aktiviti ini telah dapat membantu mempercepatkan kerja-kerja pembaikan secara

proaktif sebelum kebocoran-kebocoran ini berkembang menjadi kes paip pecah yang lebih rumit serta meminimalkan impak masa gangguan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Air Selangor telah berjaya mengurangkan kes paip pecah dari 20 kes bagi setiap 100 km yang direkodkan tahun 2016 ke 18 kes pada tahun 2017 dan seterusnya menurun kepada 13 kes pada tahun 2018. Pencapaian ini merupakan praktis terbaik (best practise) yang digunakan oleh industri air di lain-lain negara.

3) **Pelan Jangka Panjang dan Langkah Berterusan**

Air Selangor akan meneruskan usaha dan langkah-langkah bagi mengurangkan insiden paip pecah melalui langkah - langkah berikut :

- i. Mengenalpasti kawasan berisiko tinggi di jajaran paip utama dengan pemasangan lebih banyak lagi '*Intelligent Sensor*' yang dilengkapi '*hydro-phones*' pada jarak yang lebih rapat di antara satu sama lain agar berupaya untuk mengesan kebocoran dengan lebih efektif.
- ii. Menggerakkan usaha pengesanan kebocoran '*leak detection works*' dengan lebih kerap di kawasan yang berisiko tinggi.
- iii. Menggunakan teknologi terkini yang lebih kos efektif '*new cost-effective emerging technology*' bagi pemantauan lanjut kondisi paip dan sambungan.
- iv. Bagi mengurangkan insiden paip pecah oleh pihak ketiga (*3rd party*), Air Selangor mencadangkan kelulusan permit kerja oleh PBT kepada mana-mana projek pembangunan perlu mendapat sokongan dan maklumbalas daripada Air Selangor yang melibatkan aset-aset perkhidmatan air di rezab jalan-jalan awam, rezab jajaran bekalan air dan berhampiran atau sempadan hak milik Air Selangor (contoh: pemotongan tanah berhampiran kolam air/rumah pam) dan pihak PBT berhak mengeluarkan arahan pemberhentian kerja (*Stop Work Order*) apabila berlaku insiden paip pecah disebabkan kerja-kerja pihak ketiga atas saranan daripada pihak Air Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : CSR MBI

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa Jumlah dana digunakan oleh MBI untuk Program CSR setiap Tahun ?
- b) Dalam Skop dan bidang apa ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah dana yang digunakan oleh MBI untuk sumbangan bagi menyokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri dan CSR setiap tahun adalah berbeza bergantung kepada keperluan dan tertakluk kepada bajet yang diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah MBI serta baki tunai bersih yang dimiliki oleh MBI.
- b) Skop bidang yang terlibat adalah seperti perincian berikut:-
 - i) Sumbangan bagi menyokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri
 - Menyokong strategi belanjawan Kerajaan Negeri iaitu “*Memacu Pembangunan Ekonomi Negeri*” sebagai badan induk pelaksana ke atas penyusunan dan pengklusteran anak syarikat.
 - Inisiatif Smart Selangor yang melibatkan penyediaan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi, prasarana fizikal perpustakaan komuniti serta intervensi awal kanak-kanak bagi kawasan / golongan B40 dan M40,
 - Kos penyusunan dan pengklusteran anak-anak syarikat,
 - Bantuan dan sokongan kewangan memfokuskan perbelanjaan operasi anak-anak syarikat terutamanya entity-entiti yang telah diberi mandat sebagai pelaksana program ke arah misi *Smart State 2025*.

- Penyelesaian isu legasi yang berkaitan hakmilik seperti projek pembangunan di Pinggiran Batu Caves, Lestari Perdana dan lain-lain.

ii) Tanggungjawab sosial korporat MBI

Sumbangan tanggungjawab sosial korporat adalah berdasarkan kategori berikut:

- Keagamaan / Moral / Kebajikan
- Pembangunan infrastruktur
- Program Kerajaan Negeri
- Pembangunan Sukan
- Pembangunan Sosial
- Pendidikan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PRESTASI KUTIPAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN OLEH KDEBWM

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah prestasi kutipan sampah oleh KDEBWM di dalam Negeri Selangor?
- b) Bagaimanakah prestasi kerja-kerja pembersihan oleh KDEBWM di dalam Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Prestasi kutipan sampah oleh KDEBWM secara keseluruhannya berada pada tahap yang baik. Ini telah terbukti apabila statistik aduan yang direkodkan oleh *Centralized Command Center (CCC)* di hampir semua PBT yang telah diambil alih oleh KDEBWM telah menunjukkan trend penurunan yang amat signifikan melebihi 50% bermula pada bulan kedua pengambilalihan. Adalah menjadi satu trend biasa di mana aduan agak tinggi pada bulan pertama pengambilalihan atas faktor seperti sub-kontraktor lantikan baru KDEBWM yang masih di dalam proses untuk mengenali selok-belok kawasan perkhidmatan mereka di samping masalah-masalah tipikal seperti kerosakan lori dan sebagainya. Walaubagaimanapun, semua permasalahan semasa *transition period* ini kebiasaannya dapat diatasi bermula pada bulan kedua KDEBWM beroperasi di PBT tersebut apabila sub-kontraktor telah mula mahir dengan kawasan perkhidmatan mereka di samping penyerahan lori-lori baru KDEBWM kepada semua sub-kontraktor yang sekaligus dapat mengatasi masalah kerosakan lori yang sering dihadapi oleh sub-kontraktor yang menggunakan lori lama mereka sendiri pada peringkat permulaan operasi.

Walaupun adakalanya berlaku sedikit *hiccup* yang disebabkan oleh faktor 3M iaitu *Man, Machine dan Method* seperti masalah tenaga kerja, kerosakan lori dan strategi operasi yang kurang tepat, kesemua masalah ini akan segera ditangani oleh KDEBWM dalam tempoh 24 jam, selaras dengan SOP mereka bahawa semua aduan berkaitan kutipan sampah akan diselesaikan sesegera mungkin tidak melebihi 24 jam dari masa aduan tersebut diterima.

Di PBT yang melibatkan kawasan YB Puan Rozana, iaitu di Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) , purata jumlah aduan sebenar yang diterima dan direkodkan oleh *Centralized Command Center (CCC)* KDEBWM adalah sebanyak lima (5) aduan sehari dan 90% daripadanya adalah aduan bagi skop pembersihan. Ini menjadi indikator utama bahawa prestasi kutipan sampah oleh KDEBWM di MDKS adalah pada paras yang baik.

- b) Bagi skop pembersihan pula, prestasi KDEBWM secara umumnya juga berada pada tahap yang baik. Kebanyakan statistik aduan adalah disumbangkan oleh skop pembersihan kerana skop ini adalah lebih luas yang merangkumi skop utama seperti sapuan jalan, pemotongan rumput, pembersihan longkang dan kutipan sampah pukat. Walaupun secara umumnya prestasi aduan skop pembersihan juga turut menurun bermula pada bulan kedua KDEBWM mula beroperasi, KDEBWM mengakui bahawa terdapat beberapa kawasan PBT yang mengambil sedikit masa untuk distabilkan khususnya yang melibatkan PBT yang bertaraf Majlis Perbandaran ,mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, kawasan yang luas dan juga komposisi penduduk di kawasan tersebut adalah terdiri daripada pesara-pesara kerajaan dan swasta yang menghabiskan banyak waktu di kawasan persekitaran rumah mereka. Seperti juga skop kutipan sampah, KDEBWM juga akan menangani dan menyelesaikan semua aduan pembersihan yang diterima sesegera yang mungkin. KDEBWM juga akan memantau dengan rapi prestasi setiap sub-kontraktor dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana sub-kontraktor yang didapati gagal melaksanakan tugas mereka dengan baik termasuk menamatkan kontrak perkhidmatan mereka.

KDEBWM memberi jaminan akan sentiasa meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan dari masa ke semasa dan sentiasa bekerjasama dengan semua PBT bagi memastikan prestasi kutipan sampah dan pembersihan awam ini secara konsisten berada pada tahap yang terbaik. Kerajaan Negeri mempunyai keyakinan penuh di atas kemampuan dan kredibiliti KDEBWM bagi menguruskan kutipan sampah dan pembersihan awam dan seterusnya mampu untuk merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Selangor sebuah negeri yang bersih dan sihat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : TINDAKAN SUSULAN TENTANG TANGGUNGJAWAB PIHAK PEMAJU
TERHADAP KOS PROJEK PENSTABILAN TEMBOK PENAHAN DI
PANGSAPURI PERMAI**

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Akibat kegagalan pihak pemaaju dalam menyediakan dokumen yang diperlukan oleh pihak insurans, pihak MBPJ terpaksa menanggung RM1.75 juta untuk kos projek penstabilan tembok penahan di Pangsapuri Permai. Apakah tindakan susulan Kerajaan Negeri untuk memastikan pihak pemaaju untuk bertanggungjawab?

JAWAPAN:

- a) Untuk Makluman, Kawasan Kejadian Runtuhan Tembok Penahan Di Pangsapuri Permai Melibatkan Kawasan Persendirian Dimiliki Oleh Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Permai. Perbadanan Pengurusan Adalah Pihak Yang Bertanggungjawab Untuk Menyelenggaraaan Bangunan Dan Harta Bersama Termasuklah Tembok Penahan Tersebut. Oleh Yang Demikian, Kos Projek Penstabilan Tembok Penahan Di Pangsapuri Permai Sepatutnya Ditanggung Oleh Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Permai.

Pihak Majlis Difahamkan, Perbadanan Pengurusan Sedia Maklum Mengenai Tanggungjawab Mereka Untuk Menyelenggara Tembok Penahan tersebut. Justeru itu, Perbadanan Pengurusan telah pun menginsuranskan tembok penahan tersebut sebelum kejadian berlaku. Walau bagaimanapun, apabila kejadian ini berlaku tuntutan kepada pihak insurans telah ditolak disebabkan perbadanan pengurusan tidak dapat mengemukakan pelan yang diluluskan. pihak perbadanan pengurusan telah memohon kepada pihak pemaaju supaya menyerahkan pelan berkenaan tetapi pihak pemaaju gagal berbuat demikian dengan alasan pihaknya telah mengemukakan laporan perunding dan mengesahkan bahawa runtuhan tembok penahan tersebut bukan disebabkan kegagalan struktur atau rekabentuk.

Berdasarkan semakan rekod Majlis, pihak pemaaju telah mengadakan mesyuarat agung tahunan pertama penubuhan badan pengurusan bersama (JMB) Pada 27 Mac 2008. Walau bagaimanapun, pada ketika itu, Akta 663 (Telah Dimansuhkan) tidak mempunyai peruntukan yang spesifik untuk pemaaju menyerahkan semua

pelan yang diluluskan kepada pihak jmb seperti yang dikehendaki dalam Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] yang sedang berkuatkuasa pada masa sekarang.